



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PELANCARAN HAB PENGAGIHAN MAKANAN BAHARU OLEH THE LOST FOOD PROJECT: USAHA BERSAMA TANGANI PEMBAZIRAN MAKANAN

Hari ini saya telah menghadiri Majlis Pelancaran Hab Pengagihan Makanan Baharu bersempena dengan Sambutan Ulang tahun ke-10 penubuhan *The Lost Food Project* yang merupakan salah satu rakan strategik utama bagi Program Food Bank Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Pelancaran hab pengagihan makanan baharu oleh *The Lost Food Project* (TLFP) hari ini merupakan penambahbaikan daripada pihak TLFP dalam usaha berterusan untuk menangani isu keselamatan makanan dan pembaziran makanan di Malaysia. Majlis bersejarah ini disaksikan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Zara Salim, Raja Permaisuri Perak bersama barisan rakan strategik, wakil industri makanan dan badan bukan kerajaan.

KPDN merupakan Kementerian yang secara langsung menyelaras program bank makanan dengan kerjasama pihak NGO. Melalui pelaksanaan program bank makanan serta teknologi retort, ia sekali gus memberi manfaat secara menyeluruh daripada inisiatif ini. Antara pencapaian utama KPDN dalam membangunkan ekosistem bank makanan negara termasuk:

- Menjalinkan kerjasama strategik dengan sembilan (9) Rakan Strategik Utama KPDN;
- Mewujudkan pantri *Food Bank* Siswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA);

- Memperkasa penyelesaian inovatif seperti pelaksanaan program mesin retort untuk menyelamatkan lebihan makanan; dan
- Menggalakkan kesukarelawanan melalui program Generasi Anak Muda (GEMA) dalam inisiatif *MySaveFood* melalui aplikasi *ReMeal*.

Pada tahun 2025, sebanyak 69.1 tan makanan telah berjaya diselamatkan daripada 173 Bazar Ramadan RAHMAH melalui pelaksanaan inisiatif *MySaveFood*. Inisiatif ini dilaksanakan di seluruh negeri dan Wilayah Persekutuan, termasuk Sabah, Sarawak dan Labuan yang menjadikannya satu usaha berterusan yang inklusif dan menyeluruh.

KPDN turut merancang untuk memperluaskan inisiatif ini ke pasar-pasar malam di seluruh negara. Usaha ini bukan sahaja meningkatkan akses kepada makanan untuk golongan penerima, malah menyumbang kepada matlamat pengurangan pelepasan karbon akibat pembaziran makanan serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 12.3.

Kejayaan ini membuktikan bahawa kerjasama antara pihak Kerajaan dan pihak NGO serta pihak sukarela mampu membawa perubahan yang bermakna. Ianya bukan hanya sebagai amal kebajikan, tetapi satu pendekatan lestari dan holistik untuk menangani kebuluran dan pembaziran secara serentak

Setinggi-tinggi penghargaan turut dirakamkan kepada pihak TLFP atas sambutan ulang tahun penubuhan dan komitmen yang diberikan khususnya dalam merealisasikan visi dan pelaksanaan bank makanan di Malaysia.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP) di talian hotline 03- 8882 5881/ 5905 atau melalui e-mel kepada spip@kpdn.gov.my

YB SENATOR DR. HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

KUALA LUMPUR

25 April 2025



LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

